

# Media Britain tidak jejas negara

KUALA LUMPUR, Khamis - Keputusan Kabinet menarik balik pembekuan kontrak baru kepada firma Britain tidak bermakna kerajaan berpuas hati dengan laporan media massa negara itu mengenai Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menarik balik sekatan itu kerana menerima hakikat ba-

hawa sebarang usaha untuk mengubah pendirian media massa Britain terhadap negara tidak akan membuahkan hasil menggalakkan.

"Tidak. Saya masih kurang puas hati. Kerajaan mendapati sebarang usaha mengubah pendirian media massa Britain hanya membuang masa kerana mereka tidak boleh membuat laporan tepat, khususnya me-

ngenai orang lain.

"Sehubungan itu, saya terpaksa menerima hakikat bahawa mereka (media massa Britain) tidak boleh bercakap benar termasuk mengenai isyug memberikan kesan negatif terhadap pencapaian Britain sendiri.

"Media massa Britain juga gagal memberi laporan tepat apabila membandingkan pres-

tasi negara itu dengan kita," katanya menjawab soalan pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, media massa Britain kini boleh menulis apa saja mengenai pemimpin dan rakyat Malaysia ke-

LIHAT MUKA 2

## Media Britain tidak jejas negara

DARI MUKA 1

rana tindakan itu tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

"Mereka boleh menulis apa saja mengenai kita. Ia tidak akan menjejaskan prestasi dan pertumbuhan ekonomi negara, termasuk usaha ke arah mewujudkan suasana politik yang stabil.

"Ini bermakna kita tidak peduli dengan media Britain. Ia adalah pembongkaran besar," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengenakan larangan sama jika media massa Britain membuat tuduhan melulu mengenai negara pada masa depan, Perdana Menteri berkata: "Saya rasa tidak guna kita membuang masa dengan mereka".

Kabinet semalam menarik balik pembekuan pemberian kontrak baru kerajaan kepada syarikat Britain berkuatkuasa serta merta, selepas mengambil kira pelbagai pandangan termasuk kerajaan negara itu.

Mengenai dakwaan wujudnya seorang pemimpin Umno negeri yang memburukkan keputusan kerajaan mengharamkan al-Arqam, Dr Mahathir berkata masih belum ada bukti kukuh bahawa pemimpin itu menentang pendirian kerajaan.

"Saya dapati kenyataan pemimpin itu bukan betul-betul menentang Umno... kalau dia ahli Umno sudah tentu kita nak tanya mengapa dia berpendirian demikian," katanya.